

MUZIK KONTEMPORARI SEBAGAI ALAT PEMBENTUKAN NILAI DALAM KOMUNITI: KE MANA HALATUJU KITA?

Ibrahim Bin Ahmad (Prof. Madya)
Jabatan Bahasa Moden Fakulti Komunikasi Dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia
No.Telefon: 04-9283448; 012-4984481
Mel Elektronik: ibra213@uum.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan membincangkan ruanglitup nilai-nilai murni yang seharusnya diamlkan dalam sesebuah komuniti. Nilai-nilai ini akan dikaitkan pula dengan pola proses penyemaian dan pengukuhanannya melalui pelbagai saluran, salah satu daripadanya ialah muzik. Perkembangan muzik Melayu daripada segi penciptaan, penyusunan, penggubahan, penciptaan lirik serta pematahan lagu akan digalurkan secara ringkas daripada muzik asli, muzik tahun-tahun 50-an, 60-an, 70-an, 80-an sehinggalah muzik kontemporari. Seterusnya, kertas kerja ini akan memperlihatkan bagaimana proses globalisasi telah mempengaruhi dunia muzik Melayu di Malaysia dan telah membentuk sebuah wajah muzik kontemporari yang bertumangkan nilai-nilai muzik global dan tidak berpaksi kepada nilai-nilai budaya Melayu. Tumpuan akan diberikan kepada pola penciptaan lagu serta corak pematahan lagu (penyebutan lirik lagu) oleh penyanyi-penyanyi kontemporari yang begitu berpengaruh di kalangan generasi muda. Beberapa persoalan akan ditimbulkan. Bagaimanakah rupa bentuk lagu-lagu Melayu yang harus digalakkan sebagai alat pembentuk nilai-nilai jati diri Melayu? Apakah langkah-langkah yang harus dilakukan oleh semua pihak (terutamanya Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan) untuk memperkukuhkan penyemaian nilai-nilai murni bangsa Malaysia melalui seni muzik, sejajar dengan perkembangan dunia pascamodenisme?

1.0 PENDAHULUAN

Dewasa ini, banyak pihak bercakap tentang nilai, baik para pemimpin di peringkat negara sehinggalah pemimpin dalam rumahtangga. Ramai yang berasa amat bimbang kerana sistem nilai yang telah diamalkan sejak turun-temurun terhakis dengan secara drastik oleh landaan proses globalisasi, satu proses yang boleh dikaitkan dengan ‘pengklonan budaya’, yakni menyamakan budaya sesebuah masyarakat dengan budaya sebuah masyarakat lain, biasanya dilakukan oleh masyarakat barat ke atas masyarakat di timur.(Teoh Kok Seong, 2003). Kesan yang ketara sekarang ialah wujudnya amalan hedonisme di kalangan para remaja kita , iaitu, gaya hidup yang mementingkan keseronokan/hiburan, dan imperialisme bahasa Inggeris.

Dalam masyarakat Malaysia kini, nilai-nilai murni merujuk kepada nilai-nilai luhur (sacred) dan tidak kudus (profane) dan melalui pendidikan, 16 nilai murni diterapkan secara langsung atau tidak langsung melalui pengajaran dan pembelajaran di institusi pangajian (Wan Mohd Zahid 1993:179-181). Ini dilakukan untuk membentuk sebuah masyarakat yang menjadi bangsa yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia sejajar dengan perkembangan duniawi, tetapi pada hakikatnya, nilai sebagai salah satu aspek budaya sentiasa berubah dan perubahan ini berlaku disebabkan wujudnya pandangan hidup atau persepsi yang berbeza terhadap dunia.

.Perubahan nilai memberi kesan yang luas kepada perubahan budaya atau cara hidup sesuatu masyarakat. Oleh sebab konsep dan ideologi baru yang mencorakkan perubahan nilai itu datang dari barat, maka proses pembaratan pemikiran dan penerimaan nilai-nilai barat akan mencorakkan perubahan dan konflik nilai masyarakat di negara-negara membangun seperti Malaysia. (Abd. Rahim Abd Rashid, 2001) Ideologi yang lebih dominan mencorakkan perubahan nilai masyarakat majmuk di Malaysia. yang sering memandang ke barat sebagai 'kiblat' tamadun canggih dan berdaya saing dan kecenderungan ini telah menyebabkan sistem nilai dalam budaya kita kian 'tertarik' ke 'barat'.

Salah satu daripada pembentuk nilai ialah seni muzik. Menurut Tadashi Inumara dan Dato' Sabaruddin Chik (Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1994), lagu-lagu adalah suara rakyat, gema sejarah dan cermin kehidupan. Manusia melahirkan rasa kegembiraan, kesedihan dan harapan melalui lagu-lagu rakyat dan sekaligus mengenal kehidupan melaluinya. Sesebuah budaya itu dapat dihayati melalui senikata sesebuah lagu rakyat berkenaan yang juga mencerminkan budaya pemikiran rakyat yang melahirkannya.

Oleh sebab adanya nilai dan makna yang tidak disampaikan melalui bahan-bahan konkrit, manusia juga mengungkapkannya melalui hasil seni suara dan lagu. (John Dewey dlm. Diana Raffman .1993) dan oleh kerana manusia mencipta muzik, mereka menghasilkan nilai atau kualiti asas pemikiran bangsa mereka dan pada asasnya proses pemikiran manusia itu berpaksikan masyarakat (John Shepherd, 1991) Oleh yang demikian, sesebuah hasil seni lagu, baik iramanya dan senikatanya adalah cerminan nilai dalam masyarakat.

Kertas kerja ringkas ini akan secara ringkas melihat sejarah pertumbuhan musik Melayu sehinggalah zaman kontemporari untuk melihat halatuju peranan muzik sebagai agen pembentukan nilai masyarakat Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia amnya. Tumpuan pembicaraan akan lebih diberikan kepada cara penyebutan lirik lagu (yang seterusnya akan saya gunakan istilah patah lagu/pematahan lagu).

2.0 PERKEMBANGAN SENI MUZIK MELAYU

Muzik Melayu bermula sejak bangsa Melayu wujud kerana seperti manusia lain juga di dunia ini, orang-orang Melayu secara fitrah dibekalkan dengan kemampuan untuk menyatakan perasaan atau ekspresi diri melalui pelbagai cara dan salah satu daripadanya ialah melalui muzik. Irama dan gaya penyampaian muzik atau dendangan lagu mempunyai kaitan yang rapat dengan pencerminan sosial (John Shepherd, 1991). Ringkasnya dapat dikatakan bahawa kelahiran sesuatu bahan seni dalam bentuk muzik bergantung rapat dengan keadaan dan kehendak sosial sesuatu kaum. Jelasnya, seni muzik mempunyai signifikan sosial.

Pada zaman awal, muzik Melayu bermula sebagai bentuk asli sebagaimana yang terdapat dalam seni muzik Melayu Proto. Bentuk dan iramanya mudah dan peralatan muziknya diperbuat daripada unsur-unsur alam tempatan. Setelah kedatangan orang-orang India muzik Melayu terpengaruh dengan budaya India dan memasukkan unsur-unsur muzik India ke dalam muzik mereka. Begitu juga yang berlaku apabila datangnya orang-orang timur tengah yang membawa agama Islam sehinggalah datangnya orang-orang Portugis, Belanda dan Inggeris yang menjajah Tanah Melayu. Irama joget adalah irama Portugis (yang terkenal dengan lagu Jingling Nona) yang disesuaikan ke dalam irama Melayu. Begitu juga dengan dondang sayang yang direka cipta oleh kumpulan baba dan nyonya di Melaka yang menyelitkan unsur-unsur budaya China di dalamnya. Lagu asli misalnya 'Masmerah' kelihatan tebal dengan pengaruh melodi muzik China.

Pengaruh muzik barat mula bertapak dan mengukuh apabila orang-orang Inggeris memerintah Tanah Melayu. Muzik diajar secara formal di sekolah-sekolah secara langsung atau tidak langsung. Pada masa yang sama pengaruh muzik ala India menerusi filem-filem Melayu Jalan Ampas arahan pengarah-pengarah muda dari India membentuk corak muzik Melayu. Penghijrahan orang-orang daripada kepulauan Indonesia yang membawa bersama irama keroncong memperkayakan bentuk muzik Melayu. Muzik keroncong kini menjadi muzik kegemaran generasi lama di negeri-negeri selatan Semenanjung Malaysia.

Muzik barat semakin menebal dalam arena muzik Melayu apabila orang-orang Melayu mula memberi tumpuan dan minat kepada muzik barat, sama ada melalui pendedahan menerusi bidang pendidikan atau melalui media massa terutamanya radio. Irama barat seperti tango, rhumba, cha-cha, twist, a-go-go, jazz, waltz, slow rock dan sebagainya menggantikan rentak Melayu asli. Lagu-lagu baru dicipta berdasarkan rentak atau tempo yang dipinjam masuk daripada muzik barat. Teknik pemataan lagu yakni cara menyebut seni kata lagu turut berubah mengikut irama atau retak yang dipinjamnya. Tema lagu juga menuntut penciptaan seni kata yang bersesuaian dengan 'mood' lagu yang tercipta hasil daripada pinjaman tempo dan irama. Jika diteliti, bentuk muzik di Malaysia dalam era 60-an adalah serupan dengan bentuk muzik induknya di barat. Yang berbeza hanyalah bahasa yang digunakan untuk menyampaikan mesej lagu.

Selain peniruan irama lagu dari barat itu, masuk jugalah segala nilai yang didokong oleh irama berkenaan. Kemasukan rentak twist atau a-go-go menyaksikan anak-anak muda kita pada zaman berkenaan bertukar rupa dengan mengenakan pakaian dan menggunakan alat-alat menghias diri yang bersesuaian dengan kehendak rentak dan irama muzik yang dipinjam. Daripada berpakaian seluar panjang berukuran tertentu, fesyen seluar lelaki bertukar menjadi 'drain pipe' atau 'baggy'. Gaya kasut juga bertukar daripada kasut biasa kepada bertumit tinggi. Peniruan ini berlaku sehinggalah ke tahun-tahun 80-an dan peniruan atau peminjaman ini diterima ramai sebagai peminjaman yang mengayakan khazanah seni muzik dan budaya tempatan. Cuma, proses akulturasi yang berlaku dengan cepat itu kadang-kadang membimbangkan pejuang budaya tempatan yang tentunya takut-takut budaya yang dianggap liar dari luar itu akan menyasarkan budaya murni leluhur kita.

Bermula awal 1990-an, apabila proses globalisasi melanda dunia, dunia muzik kita juga berubah. Proses globalisasi telah mempengaruhi dunia muzik Melayu di Malaysia dan telah membentuk sebuah wajah muzik kontemporari yang bertumangan nilai-nilai muzik global dan tidak berpaksi kepada nilai-nilai budaya Melayu. Rangkaian perniagaan industri muzik barat yang lebih dikenali sebagai 'Anglo-American' sering dinyatakan oleh kebanyakan penyelidik dan pengarang dalam bidang muzik popular sebagai satu bentuk penjajahan budaya barat yang mula meyesar segala ciri keaslian dan keindahan pernyataan muzik tempatan kepada satu bentuk produk komersial yang tidak lagi berpaksi kepada mana-mana jenis muzik suku kaum tetapi lebih banyak memberi penekanan kepada pasaran antarabangsa khususnya Amerika dan Eropah (Tony Mitchell, 1996). Kajian yang dilakukan oleh R.Shuker (1994) yang melihat pengaruh muzik 'Anglo-American' di Kanada, Australia dan New Zealand mendapati bahawa bentuk muzik tempatan menghadapi kesukaran untuk mengekalkan identitinya hasil daripada sesaran muzik barat. Di negara kita pun, keadaan yang berlaku sekarang menampilkan satu rupa penjajahan budaya barat ke atas budaya tempatan. Penjajahan ini nampaknya berjaya kerana rata-rata dalam dunia muzik, pembangunan industri kita semakin condong ke barat. Ini jelas ternyata melalui rancangan-rancangan nyanyian terbitan stesen-stesen televisyen kerajaan atau swasta seperti *Bintang RTM* (TV1), *Malaysia Idol* (TV8), *Audition* dan *Who Will Win* (NTV7) dan *Akademi Fantasia* (Astro Ria), lagu-lagu yang berpaksikan nilai-nilai barat dipopularkan oleh anak-anak muda kita yang mahu membina kerjaya

melalui bidang nyanyian. Pihak industri muzik pula menggalakkan pemupukan ini dengan menubuhkan badan atau akademik untuk membantu pelajar atau peserta terpilih mempertajamkan bakat masing-masing. Mereka sanggup pula menyediakan jurulatih/jurutunjuk vokal, pakar penampilan diri dan pemanfaatan pentas yang dipilih khas daripada kalangan penggiat seni tempatan dan luar negeri.

Hasil daripada pencorakan bentuk muzik kontemporari yang menjadi sambutan bukan sahaja oleh para remaja tetapi juga oleh kebanyakan ahli masyarakat termasuk mereka yang sudah berumur dan tidak lagi remaja (Ini dapat dilihat daripada sambutan orang ramai terhadap program-program berbentuk muzik melalui media massa atau melalui persembahan bergerak seperti 'Sure Heboh' kendalian TV3), beberapa perubahan dapat dikenalpasti.

3.0 PERUBAHAN KETARA DALAM DUNIA MUZIK

Apabila kita menelusuri pergerakan lagu-lagu Melayu sekarang, dapat kita membahagikan perubahan-perubahan yang berlaku kepada tiga bahagian penting, iaitu irama dan melodi, rentak atau ritemnya, dan pematihan/penyebutan lagu.

3.1 IRAMA DAN MELODI

Sebagaimana yang disebutkan dalam para di atas, muzik Melayu bermula dengan rentak asli yang kebanyakannya berirama perlahan, penuh dengan kelembutan yang melambangkan jiwa orang-orang Melayu sezaman. Irama muzik masa kini sudah penuh dengan pengaruh sejagat daripada pelbagai budaya, dominannya Inggeris dan Amerika. Irama pantas dan panas seperti rhap, hard rock, hip hop amat digemari oleh golongan muda selain irama rhythm and blues. Irama seperti slow rock, mambo, rhumba, cha-cha, a-go-go tidak lagi diberi keutamaan dalam penciptaan lagu-lagu baru. Lagu-lagu berirama Melayu Asli seperti zapin, inang, joget dan sebagainya hanya diberi tumpuan oleh beberapa kerat komposer Melayu yang masih percaya bahawa jati diri bangsa Melayu harus dikekalkan dan salah satu daripada caranya ialah melalui penciptaan lagu-lagu Melayu dalam irama Melayu Asli.

Kebanyakan lagu baru yang menjadi nyanyian anak-anak muda dan menduduki tempat tertinggi dalam carta pertandingan lagu mempunyai corak melodi kontemporari. Misalnya, Annuar Zin dan Ning Baizura yang membawa lagu-lagu berbentuk kontemporari terpilih melalui rancangan pertandingan nyanyian anjuran Radio Erra yang berlangsung pada Sabtu 11/10/03 di Genting Highlands. Selari dengan iramanya dan rentaknya, alunan lagunya dicipta berdasarkan tekanan rentak dan lenggok iramanya. Jika kita meneliti bentuk melodinya, ketara sekali ia tidak mencerminkan melodi Melayu atau melodi bangsa timur kerana ia dicituskan melalui cita rasa rentak dan irama yang ditiru (?) dari barat. Kelihatanlah melodi yang terpancar oleh lagu yang dilahirkan berbau kebaratan. Sekaligus dengan perubahan ini, senario nilai yang terpaut dalam persembahan sesebuah lagu itu juga turut berubah dengan pesatnya. Tarian yang dulunya lembut gemalai bertukar menjadi cergas dan ganas. Pakaian yang dulunya bersopan mengikut kaca mata ketimuran bertukar ke corak barat yang kadang-kadang boleh meremangkan bulu roma dan membeliikkan mata.

3.2 PEMATAHAN LAGU

Apabila irama dan melodi sesebuah lagu itu dicipta dengan menggunakan acuan barat, maka cara pematihan lagu juga menurut sebutan bahasa dari barat, terutamanya Inggeris dan Amerika. Pematihan lagu ini dapat dibahagikan kepada gaya sebutan kata dan intonasi yang diberikan.

Kebanyakan fonem Melayu disebut dengan menggunakan sebutan Inggeris. Bunyi [r] tidak disebut dengan meletakkan lidah antara gigi dengan gusi kemudian digetarkan tetapi bahagian hujung lidah dinaikkan menghala ke lelangit keras kemudian digetarkan. Bunyi-bunyi letupan [t], [d], [k], [g] dan letusan [č] dan [j] juga disebut ala fonetik bahasa Inggeris. Letupan [t] yang amat ketara. Penyanyi menyebutnya dengan menggunakan acuan bahasa Inggeris. Bahagian hujung lidah yang sepatutnya diletakkan di bahagian gusi sebelum bunyi itu diletupkan, diletakkan di bahagian gigi. Bunyi letupan dua bibir [p] disebut dengan menambahkan hembusan angin bersamanya. Selain itu, banyak bunyi dalam bahasa Melayu disebut dengan menebalkan bunyinya, misalnya bunyi-bunyi lateral [l] dan bunyi-bunyi letupan dan letusan. Bunyi-bunyi vokal Melayu juga disebut cara Inggeris yang menggelungsurkan sebutan dari satu bunyi ke bunyi yang lain. Misalnya [o] dan [i] disebut dengan memulakannya dengan sebutan [a] kemudian digeluncurkan kepada [o] atau [i].

Selain cara penyebutan bunyi-bunyi di atas, ada kecerenderungan para penyanyi lagu-lagu Melayu kontemporari menyengaukan bunyi-bunyi yang dalam sebutan lidah Melayu tidak perlu disengaukan. Kalau dalam bahasa Inggeris, bunyi sesuatu konsonan sengau boleh mempengaruhi vokal di hadapan dan di belakang bunyi tersebut. ‘can’t’ dalam bahasa Inggeris disebut [kãnt] dengan vokal [a] sebelum konsonan sengau [ñ] disengaukan. Apabila rumus ini dipadankan dengan kata-kata Melayu, maka /hentam/ akan disebut sebagai [hëntãm] dengan kedua-dua vokal [e] dan [a] disengaukan, /ingãtan/ akan disebut [ingãtãn] dengan kedua-dua vokal sebelum dan selepas konsonan sengau disengaukan, walhal yang patut disengaukan hanyalah bunyi [a] selepas /ng/ sahaja kerana dalam bahasa Melayu semua vokal yang mengikuti bukan mendahului konsonan sengau dan yang mengikuti separuh vokal [w],[y] dengan syarat vokal sebelumnya telah disengaukan kerana telah mengikuti bunyi-bunyi sengau hendaklah disengaukan (kecuali kata-kata /ãñiãyã/ yang disengaukan semua vokalnya).

Daripada segi tekanan, terdapat banyak perbezaan antara bahasa Melayu dengan Inggeris. Dalam bahasa Inggeris tekanan bersifat fonemik, yakni membawa perubahan makna tetapi sebaliknya dalam bahasa Melayu. Akan tetapi, apabila tempat tekanan yang lazimnya dalam bahasa Melayu terletak pada suku kata kedua atau akhir, diubah ke tempat lain, maka kejanggalan penyebutan perkataan berkenaan akan timbul dan seorang penutur Melayu jati akan dengan tidak teragak-agak lagi mengatakan itu bukan sebutan Melayu yang betul. Oleh kerana irama dan rentak baru diambil daripada barat, maka penyesuaian dibuat oleh penyanyi supaya nyanyiannya kelihatan lebih hebat atau mungkin oleh kerana pola penciptaan irama lagu tidak lagi berlandaskan pola sebutan lidah Melayu, maka akan kedengaranlah kata-kata seperti ‘pènantian’, ‘impian’, ‘bèrsemadi’ yang disebut dengan memberi tekanan kepada suku kata pertama, satu cara yang amat janggal bagi sebutan Melayu.

Apabila sebuah lagu bersenikatakan bahasa Melayu dinyanyikan dengan menggunakan acuan irama, rentak lagu dan patah lagu bahasa Inggeris, maka akan lahirlah sebuah lagu yang tidak beridentiti Melayu. Senikatanya sahaja yang Melayu tetapi roh lagu tersebut sudah dijajahi oleh budaya barat. Seorang pendengar Melayu biasanya akan faham akan maksud lagu tersebut tetapi untuk menjiwai lagu tersebut sebagai orang Melayu yang mempunyai jati diri Melayu, ia akan hampa kerana semua aspek yang terpancar melalui lagu tersebut bukan milik bangsa Melayu. Apatah lagi jika sipenyanyinya mengenakan fesyen pakaian yang tidak boleh kita namakan apa-apa dari kaca mata bangsa Melayu.

4.0 RUPA BENTUK LAGU-LAGU MELAYU PEMBENTUK NILAI-NILAI JATI DIRI MELAYU.

Seni muzik sama juga dengan seni yang lain yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Dalam zaman lima puluhan dahulu, muzik kita banyak dipengaruhi oleh irama padang pasir, irama Latin Amerika. Seniman Agung kita P Ramlee serta rakan sezamannya seperti Yusoff B. dan Zubir Said mencipta lagu-lagu mengikut selera zaman berkenaan. Kemudian dalam zaman enam puluhan anak-anak muda kita disajikan dengan lagu-lagu pengaruh The Bettles, penyanyi-penyanyi Elvis Presley, Cliff Richard dan lain-lain.. Dalam zaman itu, lagu-lagu dendangan A Ramli, Jeffry Din, L. Ramli, Sanisah Huri, Rafeah Buang, Ahmad Jais menjadi dendangan pengubat rindu anak muda sezaman. Keadaan ini kemudian berkembang sehingga tahun 1970-an. Rentak dikuti tetapi irama dan pematihan lagu masih dikekalkan. Kita mendengar lagu-lagu berentak rhumba, tango, cha-cha, twist, a-go-go dan sebagainya tetapi lengkok lagu masih menggunakan pematihan lidah Melayu.. Dengar saja lagu popular P. Ramlee *Azizah, Ibu, Dengarlah Gemala Hati, Quek Mambo*; lagu-lagu R.Azmi *Kerana Mata, Nasib Penyanyi* dan *ABC*. Dengar juga lagu-lagu *Kenangan Mengusik Jiwa* (A.Ramlee), *Ayahku Kahwin Lagi, Dara Pujaan* (L.Ramlee), *Gelisah* (Ahmad Jais), *Tak Mengapa* (A.Rahman Hassan), *Syurga Idaman* (Azizah Muhammd), *Kekasih Awal dan Akhir* (Jamal Abdillah..... dan teliti bagaimana penyanyi-penyanyi tersebut menyebut lirik lagu yang disampaikan. Sebutan mengikut lidah Melayu masih kekal menebal pada setiap kata. Begitu juga dengan irama kebanyakan lagu yang tercipta sebelum tahun 1980-an. Jika kita memejam mata kita atau kita mendengar lagu-lagu popular zaman sebelum tahun-tahun-tahun 80-an, kita masih boleh berbangga dan mengatakan bahawa lagu yang kita dengar itu adalah lagu-lagu Melayu yang mempunyai jati diri bangsa Melayu.

5.0 KE MANA HALATUJU KITA?

Pembentukan nilai adalah suatu tindakan yang rumit. Pemupukan dan pengekalannya lagi merumitkan kerana nilai bukanlah sesuatu yang boleh dikekang atau dibelenggu. Ia boleh berubah-ubah bergantung kepada ciri faktor dalaman dan luaran. Segagah dan sekuat manapun kita cuba mempertahankan nilai kita, kejayaan kita amat bergantung kepada kesepakatan dan kekuatan kita bersama.

Dalam hal penentuan halatuju pembentukan dan pemantapan nilai budaya melalui seni muzik, Wallis dan Malm (1984) berpendapatan bahawa akan terbentuk dua arah hasil daripada proses pertembungan silang budaya antara muzik sejagat dengan muzik tempatan. Pertama, lebih banyak ciri muzik akan muncul dan menjadi ciri biasa dalam perkembangan budaya muzik dunia dan yang kedua ada kemungkinan akan lahir pula kepelbagaian bentuk muzik daripada kepelbagaian corak kehidupan. Oleh yang demikian muzik tradisi sesuatu bangsa harus menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan baru kerana pada kenyataannya yang boleh kita lihat dan rasai sekarang sebagaimana yang ditekankan oleh Negus, 1994 bahawa terdapat satu macam ketegangan antara kemajuan dengan *restoration* dan di antara kepelbagaian bentuk yang dibawa hasil daripada pertembungan teknik muzik dan teknologi yang berbeza-beza dengan tradisi. (Negus, 1994).

Sebagai suatu bangsa yang tentu tidak mahu kehilangan maruah dan jati diri, kita tentulah tidak mahu muzik kita hilang tumangnya dan kehilangan itu menyebabkan kita berpegang kepada muzik barat dan kita juga tidak mahu kekal dengan jenis muzik asli kita yang tidak menggambarkan kedinamisan bangsa kita kini. Kita harus berubah tetapi perubahan itu tidaklah sehingga menyebabkan maruah kita tergadai..

Untuk mengembalikan kemantapan bentuk muzik kita yang juga salah satu daripada agen pembentuk dan pemupukan nilai bangsa kita, beberapa pihak perlu menyusun strategi masing-masing, antaranya Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan dan Kementerian Penerangan.

5.1 KEMENTERIAN PELAJARAN

Pembentukan kurikulum bagi abad ke-21 hendaklah relevan dan koheren dengan keadaan semasa dan boleh memenuhi matlamat-matlamat yang ditentukan oleh Dasar Pendidikan Negara. Ia harus bersifat futuristik, fleksibel dan dinamik supaya dapat membentuk corak masyarakat yang diinginkan, yakni boleh menangani cabaran globalisasi dan mampu membuat pilihan yang bijak dan sesuai dengan budaya dan nilai-nilai semasa. Dua daripada tujuh kemahiran yang harus dikuasai oleh rakyat Malaysia ialah kemahiran berkomunikasi dan kemahiran menikmati keindahan ciptaan dan seni.

Dalam kurikulum muzik yang digubal oleh Kementerian Pelajaran, terdapat pelajaran-pelajaran yang memberi tumpuan kepada pengajaran untuk menghayati lagu-lagu tradisi pelbagai bangsa di Malaysia, kebanyakannya berteraskan budaya Melayu sejajar dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Mata pelajaran muzik wajib dipelajari di semua sekolah rendah dari tahun satu hingga tahun enam. Di sekolah menengah pula, muzik hanya diajar secara pilihan dan boleh diambil sebagai mata pelajaran peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pendidikan harus memberi banyak ruang dalam pembentukan diksi dan penyampaian lagu. Lagu-lagu yang dipilih hendaklah berjiwa Melayu, dicipta menggunakan lenggok Melayu yang membolehkan pelajar menyebut senikata lagu dengan tekanan, pematihan kata dan intonasi yang betul. Jika skor muzik yang dipilih adalah duplikasi daripada muzik barat, maka ada kemungkinan pematihan lagu akan turut dipengaruhi oleh tataletak lirik lagu tersebut dalam bar yang bersesuaian hanya dengan lagu barat dan bukan lagu Melayu. Tekanan, pematihan lagu dan intonasi yang diulang-ulang ini akan lambat laun akan menyebati dalam diri pelajar dan akan mudah digunakan apabila mereka memilih bidang nyanyian sebagai kerjaya masing-masing.

5.2 KEMENTERIAN KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN

Bidang tugas Kementerian ini cukup luas. Ia menjadi pembuat, pelaksana dan pemantau sesuatu dasar yang digubal untuk melihat sama ada ia dilaksanakan atau tidak dan apabila dilaksanakan, sejauh manakah kesannya kepada teras kebudayaan asal. Dasar-dasar ini merangkumi seni, kebudayaan dan warisan.

Dalam bidang seni, dasar yang ada sekarang kelihatan amat longgar. Garis panduan terhadap kemasukan muzik asing tidak berapa jelas. Artis-artis yang dibenarkan masuk mempunyai kepelbagaian sifat ketrampilan diri dan ketrampilan muziknya. Proses globalisasi yang melanda telah dengan jelas menguasai anak-anak muda kita yang sering berfikir bahawa yang datang dari barat itu baik kerana negara barat adalah negara maju. Yang kurang maju atau yang sedang hendak maju patutlah mencontohi yang maju kalau mahu maju. Lambakan muzik berciri baru mudah mendapat sambutan. Ini sifat semula jadi manusia. Jika yang baru itu lebih menyenangkan, lebih boleh membentuk nilai, apa salahnya diterima? Tapi apakah nilai yang dibawa bersama oleh muzik yang dikatakan baru itu? Bersamanya datang corak berpakaian, rentak muzik dan gaya penyampaiannya yang cukup asing daripada muzik tempatan. Pihak Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, seelok-eloknya mencuba untuk memberi pengukuhan dalam dasar-dasar tertentu dan memastikan pula bahawa dasar tersebut dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

Hukuman yang tegas harus dilaksanakan supaya dasar yang diputuskan itu dapat memberi kesan. Dasar penggunaan bahasa dalam lirik lagu harus diperluaskan kepada cara lirik disebut dan bukan hanya terbatas kepada bahasa rojak yang digunakan sahaja. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia yang baru Dr. Rais Yatim yang banyak mempunyai pengalaman dan minat yang mendalam dalam kebudayaan Melayu diharap dapat mengambil langkah sewajarnya dengan penggubalan undang-undang yang harus dipatuhi oleh semua rakyat. Dalam hal seni muzik ialah yang melibatkan persembahan pentas dan kursus-kursus muzik

5.2.1 PERSEMBAHAN PENTAS

Satu tinjauan semula harus dibuat tentang dasar yang berhubungkait dengan persembahan pentas. Corak persembahan pentas terbuka yang ada sekarang ini terlalu longgar. Corak persembahan dan jenis lagu yang mengisi persembahan berkenaan tidak diberi kawalan sewajarnya. Lagu-lagu yang disampaikan tidak membawa roh Melayu, roh Malaysia. Jika ada lagu-lagu asing dipersembahkan, lirik lagu dan penyebutan lagu berkenaan hendaklah benar-benar dikawal. Bahasa menunjukkan bangsa. Membiarkan cara penyebutan ala barat bercambah adalah mengundang satu bencana besar kepada imej bangsa kerana bahasa itu bersifat rencam dan ia berkait rapat dengan komunikasi dan interaksi sosial. Bahasa memainkan peranan penting untuk mengekalkan sesuatu budaya. (Romaine, 1955 dan Kanka Mallick, 1997 (John Edwards, 1989) menyatakan bahawa bahasa dan budaya membina satu kerangka yang membolehkan pendokong budaya berkenaan membina jati diri masing-masing. Bahasa bukan sahaja alat untuk membina jati diri tetapi juga sebagai alat peminanaan rasa bangga diri atau kemajuan diri. Memang tidak dapat kita nafikan bahawa bahasa penting sekali dalam pembinaan sentimen etnik dan semangat kebangsaan kerana kekuatan simbolisme yang tersurat atau tersirat (John Edwards 1989). Jika pelahiran bahasa Melayu dilaksanakan dengan roh dari bangsa barat, maka kita akan kehilangan jati diri kerana setiap kata yang digunakan dalam komunikasi mempunyai roh masing-masing yang pada ketika-ketika tertentu boleh menggegarkan dunia.

Selain memberi penekanan kepada gaya persembahan, garis panduan terhadap pakaian dan batas kreativiti penyampai lagu juga harus ditentukan dengan langkah tindak ikut. Pakaian yang digunakan oleh kebanyakan penyanyi yang membuat persembahan pentas tidak mencerminkan budaya timur atau penyesuaian dengan budaya timur. Menyaksikan sebuah persembahan kendalian anak-anak didik Akademi Fantasia atau Malaysia Idol yang disiarkan oleh dua buah stesyen swasta, seolah-olah menyaksikan sebuah persembahan pentas di Amerika. Rupa diri, perwatakan dan sikap kebanyakan mereka sudah jauh meninggalkan budaya Melayu Malaysia. Apa beginikah rupa bentuk nilai yang mahu kita bina dan biarkan subur menjadi tumang pautan generasi akan datang sejajar dengan perkembangan dunia pascamodenisme?

5.2.2 KURSUS-KURSUS MUZIK

Kelas-kelas muzik sejak akhir-akhir ini tumbuh bagai cendawan, sama ada di bandar-bandar besar atau kecil. Kelas-kelas ini mengajar penguasaan alat muzik, teori muzik dan juga latihan vokal. Sambutan golongan kelas menengah terhadap pelajaran muzik ini menyebabkan perniagaan kursus-kursus muzik ini menjadi satu perniagaan yang lukratif.

Pengawalan terhadap kelas-kelas muzik, terutamanya yang mengendalikan kelas vokal hendaklah dibuat selalu atau secara berkala. Guru yang mengajar kelas vokal hendaklah mahir dalam fonologi Melayu, bukan yang terdiri daripada mereka yang mahir dalam fonologi bahasa Inggeris atau

memberi pemberatan kepada sebutan Inggeris. Kecelakaan akan menimpa dunia muzik kita apabila hasil kelas vokal akan menyampaikan lirik lagu-lagu dengan menggunakan gaya Inggeris. (Salah seorang peserta Bintang RTM dengan bangga menyatakan bahawa ia memasuki kelas vokal yang dibimbingi oleh bekas pemenang pertandingan Bintang RTM terdahulu, dan apabila diperdengarkan nyanyiannya, sebutan lagu Melayunya hampir seratus peratus keinggerisan. Guru vokalnya yang diberi kesempatan untuk menyampaikan lagu juga menyampaikan lagu tersebut dengan sebutan yang serupa – Anak rintik kerana ibunya borek).

5.3 KEMENTERIAN PENERANGAN

Kementerian penerangan juga berperanan sebagai pembentuk jati diri rakyat negara ini melalui penyebaran maklumat menerusi saluran-saluran media massa berbentuk audio dan video. Bidang tugas Kementerian Penerangan terhadap penentuan dan pemantauan dasar penyebaran maklumat sekarang ini agak terbatas. Penentuan sama ada sesuatu bahan hiburan itu boleh disiarkan melalui media massa itu terbatas kepada stesen kawalan kerajaan sahaja dan tidak meliputi stesen-stesen swasta yang dikawal oleh kementerian lain pula.. Keputusan baru harus dibuat oleh Kabinet untuk memperluaskan bidang kuasa Kementerian Penerangan supaya meliputi semua rangkaian penyampai maklumat kepada rakyat untuk kebaikan bersama. Walau bagaimanapun, beberapa tindakan boleh dilaksanakan pada masa ini.

5.3.1 GARIS PANDUAN PERTANDINGAN LAGU

Setakat ini, pertandingan demi pertandingan diadakan oleh stesen-stesen radio dan televisyen kerajaan dan swasta. Masing-masing berlumba-lumba mencari kelaianan untuk menarik perhatian penonton kerana rancangan-ancangan yang dikendalikan itu berhubungkait dengan penajaan oleh syarikat-syarikat tertentu yang lebih berpaksikan keuntungan. Akhir-akhir ini muncul rancangan-ancangan baru yang menjadi kegemaran ramai kerana ia melibatkan penonton secara langsung. Pertandingan Bintang RTM, Malaysian Idol, Akademi Fantasia, Who Will Win dan Audition mendapat sambutan yang hebat dan setiap rancangan berkenaan mempunyai pengikut dan peminat masing-masing.

Jika ditinjau daripada aspek pembentukan nilai, apakah bentuk nilai yang terpancar oleh rancangan-ancangan tersebut? Rata-rata kalau kita teliti dengan menggunakan kaca mata Melayu, ramai penyanyi kelihatan seolah-olah tidak pernah belajar sebutan Melayu kerana sebutan kata atau pematahan lagu-lagu Melayu yang disampaikan membawa citarasa Inggeris.

Pihak Kementerian harus menetapkan garis panduan penyampaian dan penghayatan lagu. Penyanyi yang tidak mematuhi ketetapan hendaklah disingkirkan atau digam daripada mengambil bahagian. Peraturan pemarkahan harus dilihat kembali. Pemberatan markah hendaklah juga diberikan kepada pematahan/penyebutan lirik lagu (satu ketika dulu dikategorikan sebagai patah lagu dan hasrat hati). Berjaya tidaknya sesebuah lagu itu bukan sahaja terletak pada kepandaian menangani nada muzik dengan baik tetapi juga pada penyampaian mesejnya melalui sebutan yang baik dan rasa hati yang bersesuaian. Langkah ini harus dilaksanakan secara serius, lebih serius daripada peraturan penampilan diri yang berkaitan dengan potongan rambut yang telah digubal untuk dipatuhi beberapa tahun lepas.

Sehubungan dengan garis panduan itu, garis panduan yang berhubung dengan pakaian juga patut dikuatkuasakan dengan lebih tegas. Kementerian mempunyai kuasa mutlak. Fesyen pakaian yang dipertontonkan memang lahir daripada kreativiti seseorang. Kreaviti memang tidak terbatas dan ia harus digalakkan tetapi setiap hal atau perlakuan di dunia ini ada batasannya. Jean J. Rousseau

pernah ,mengatakan bahawa ‘Manusia dilahirkan bebas tetapi di mana-mana mereka terantai’. Mereka terantai dengan peraturan agama, peraturan budaya dan segala macam peraturan lagi. Jika kreativiti manusia tidak dikawal, ke manakah halatuju bentuk fesyen pakaian kebangsaan kita satu ketika nanti? Bagaimanakah agaknya rupa penampilan diri anak muda kita sepuluh tahun akan datang?

5.3.2 PERATURAN BERHUBUNG BAHAN PENYIARAN

Bahan penyiaran yang disiarkan melalui media massa, baik milik kerajaan atau swasta diterbitkan oleh syarikat-syarikat luar. Bahan-bahan ini dibeli oleh stesen berkenaan untuk disiarkan melalui slot-slot tertentu. Merujuk bahan-bahan berbentuk hiburan berupa muzik, kita lihat terdapat kepelbagaian dalam jenis bahan yang disiarkan. Terdapat julat yang tinggi antara satu penerbitan dengan satu penerbitan yang lain. Bahan-bahan yang tidak membantu untuk membentuk , mengembangkan dan memperkukuhkan nilai kebangsaan seharusnya tidak diterima untuk siaran. Untuk tidak merugikan para penerbit rancangan-rancangan berkenaan, garis panduan yang ketat harus diperkenalkan dan dipatuhi oleh semua pihak. Yang ingkar diketepikan penghasilan mereka. Langkah sebegini akan dengan pantas dapat mambantu mempercepatkan kita membina jati diri dalam penghasilan lagu-lagu yang berteraskan ciri-ciri kebangsaan.

Penciptaan lagu-lagu yang berteraskan budaya kaum-kaum di Malaysia sepatutnya lebih digalakkan daripada kita berkiblatkan ‘masterpiece’ barat. Pembauran ciri-ciri budaya berbilang kaum di Malaysia akan menghasilkan satu bentuk lagu atau muzik milik kita sendiri. Pencipta-pencipta seperti M. Nasir, Zuber Ali, Pak Ngah, S.Atan harus diberi peluang yang lebih luas untuk menghasilkan lagu-lagu dan muzik nusantara, jenis muzik yang lebih dekat dengan kita dan jiwa kita. Lagu-lagu klasik ciptaan pemuzik agung barat Bethoven dan Bach masih dimainkan sehingga kini. Bagaimana dengan muzik kita? Ke mana perginya zapin, joget, masri dan inang kita? Rentak ini sudah diberi nafas baru oleh pencipta-pencipta baru. Ini satu inovasi yang baik tetapi jangan inovasi itu merangkumi cara kita menyampaikan lagu-lagu kita.

6.0 PENUTUP

Seni muzik adalah salah satu cabang seni yang digunakan oleh manusia untuk menyatakan fikiran. Kerana ini seni, ia seharusnya indah dan keindahan bagi setiap bangsa itu bersifat relatif. Kerelatifan itu bergantung amat kepada sistem nilai yang di dokong oleh sesebuah bangsa. Seni muzik kita adalah lukisan rasa kita, lukisan pemikiran kita, lukisan seluruh gerak nadi bangsa kita. Seni muzik adalah aset kita yang harus kita per kaya dengan khazanah penciptaan yang lahir dari bangsa dan warna kita. Warna dan citra luar boleh diserap masuk untu memperkaya dan mempelbagaikan rupa diri seni muzik kita. Tetapi, jika seni muzik itu kita umpamakan sebagai sebuah rumah, jika kita mahu membuat pengubahsuaian, kita tentu tidak mahu rupa asal rumah kita tidak kelihatan lagi kerana diambil alih oleh rekabentuk baru yang dibina di atas tapak rumah kita. Begitu juga, jika kita mengumpamakan seni muzik kita bak aliran air yang lesu, kita tentu tidak mahu dengan menerima air dari pelbagai sumber anak sungai, sungai besar kita penuh dengan sampah sarap serta kotoran yang menjijikkan. Mari kita renungi pandangan von Humbolt (John Edwards, 1989) yang menyatakan bahawa tidak ada yang lebih penting atau utama untuk pembinaan kebudayaan kebangsaan dan kesinambungannya selain memiliki ‘lidah leluhur’ (ancestral tounge), maksudnya bahasa yang dituturkan mengikut lidah warisan bangsa.

BIBLIOGRAFI

Abd Rahim Abd Rashid (2001). Nilai-nilai murni dalam pendidikan : menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Press.

Diana Raffman (1993). Language, music and mind. London:MIT Press.

John Edwards (1989) Language society and identity. UK: Basil Blackwell Inc.

Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia (1994).Lagu-lagu rakyat negara Asia dan Pasifik. KL:Percetakan Watan.

Negus.K. (1994).Producing pop culture and conflict in the popular music industry. London:Edward Arnold

Shepherd. John(1991). Music as a social text. Cambridge:Polity Press.

Shuker.R. (1994) Underdstanding popular music. London:Routlege.

Teo Kok Seong.(2003). *Cabaran Bahasa Melayu dalam Era Globalisasi* dlm. Dewan Bahasa Ogos 2003.

Wallis.R & .Malm.K (1984). Big sound from small people. London: Constable.

Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993) Wawasan pendidikan.Agenda pengisian. Kuala Lumpur:Nurin Enterprise.

